

**PANDUAN UMUM
PELAKSANAAN PEMUGARAN LITERASI DAN NUMERASI**

1. PENGENALAN

Pemugaran Literasi dan Numerasi merupakan satu strategi untuk memperkukuh kemahiran asas literasi dan numerasi dalam kalangan murid Tahap I yang belum menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi. Pemugaran ini akan dikendalikan oleh Guru Pemulihan Khas atau guru yang dilantik (bagi sekolah yang tiada Guru Pemulihan Khas).

2. OBJEKTIF

Murid dapat:

- i. Menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi.
- ii. Mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) atau Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka.
- iii. Meneruskan pengukuhan literasi dan numerasi dalam pembelajaran seterusnya.

3. KUMPULAN SASARAN

Murid Tahap I yang belum menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi.

4. KIT PEMUGARAN LITERASI DAN NUMERASI

Kit ini mengandungi:


- i. Panduan Umum Pelaksanaan Pemugaran Literasi dan Numerasi
- ii. Modul murid:
 - a. Modul Asas Literasi Bahasa Melayu
 - b. Modul Asas Numerasi (Versi Bahasa Melayu)
 - c. Modul Asas Numerasi (Versi Bahasa Inggeris)
 - d. Modul Asas Numerasi (Versi Bahasa Cina)
 - e. Modul Asas Numerasi (Versi Bahasa Tamil)

5. PELAKSANAAN

Pelaksanaan adalah seperti berikut:

- 5.1 Guru Besar memberi taklimat kepada semua guru tentang Pemugaran Literasi dan Numerasi.
- 5.2 Pihak sekolah mengenal pasti murid yang belum menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi.
- 5.3 Pihak sekolah menetapkan KPI program Pemugaran Literasi dan Numerasi.
- 5.4 Pihak sekolah memberi taklimat kepada ibu bapa.
- 5.5 Guru merancang PdP/PdPR dengan merujuk Panduan Umum Pelaksanaan Pemugaran Literasi dan Numerasi serta Modul Asas Literasi Bahasa Melayu dan Modul Asas Numerasi.
- 5.6 Guru melaksanakan PdP/PdPR dengan merujuk kepada Modul Asas Literasi Bahasa Melayu atau Modul Asas Numerasi.
- 5.7 Guru bekerjasama dengan ibu bapa/penjaga dalam pembelajaran murid.
- 5.8 Guru melaksanakan pentaksiran dari semasa ke semasa untuk mendapatkan maklumat perkembangan murid. Guru boleh mendapatkan kerjasama ibu bapa/penjaga untuk membantu melaksanakan pentaksiran.
- 5.9 Guru menggalakkan murid membaca bahan bacaan tambahan.
- 5.10 Bimbingan berterusan hendaklah diberikan kepada kumpulan murid ini untuk mendorong dan mengekalkan semangat belajar mereka.
- 5.11 Guru hendaklah melaksanakan ujian pelepasan dan berdasarkan pertimbangan profesional bagi menentukan tahap penguasaan literasi dan numerasi murid.
- 5.12 Guru menyediakan pelaporan pencapaian individu murid.
- 5.13 Pelaksanaan keseluruhan diterangkan seperti Rajah 1.

Rajah 1: Carta Alir Pelaksanaan Pemugaran Literasi dan Numerasi



6. MODUL MURID

6.1 Dua modul disediakan sebagai bahan sokongan untuk pembelajaran murid Tahap I semasa PdP/PdPR iaitu:

- i. Modul Asas Literasi Bahasa Melayu
- ii. Modul Asas Numerasi (Versi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil)

6.2 Modul murid digunakan mengikut kesediaan dan perkembangan pembelajaran murid. Seseorang murid boleh menyelesaikan aktiviti pembelajaran bergantung kepada prestasi dan kemajuan mereka.

6.3 Modul Asas Literasi Bahasa Melayu dan Modul Asas Numerasi mengandungi:

- i. panduan/nota kepada ibu bapa untuk membimbing anak membuat tugas;
- ii. arahan kepada murid untuk menyelesaikan tugas;
- iii. contoh di setiap tugas;
- iv. kod QR (pautan video/audio pengajaran); dan
- v. senarai semak pencapaian murid

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

7.1 Pentadbir sekolah

- i. Memaklumkan kepada guru dan ibu bapa/penjaga murid yang terlibat.
- ii. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan.
- iii. Merancang dan melaksanakan pemantauan serta memberi sokongan dan bimbingan berterusan kepada guru.
- iv. Memastikan bahan pembelajaran murid mencukupi.
- v. Memantau perkembangan pembelajaran murid dari semasa ke semasa.
- vi. Memastikan guru melaksanakan pentaksiran dan mengenal pasti murid yang telah bersedia untuk mengikuti pembelajaran seperti biasa.
- vii. Menyalurkan maklumat pelaksanaan dan kemajuan murid secara berkala kepada pihak yang berkepentingan.
- viii. Menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru/Ahli Lembaga Pengelola/kumpulan Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS)/agensi berkaitan bagi menyokong pelaksanaan pemugaran.

7.2 JPN/PPD

- i. Menyelaras dan memastikan sekolah menerima Kit Pemugaran Literasi dan Numerasi.
- ii. Menyokong dan memantau pelaksanaan Pemugaran Literasi dan Numerasi dari semasa ke semasa.
- iii. Menyalurkan maklumat pelaksanaan dan kemajuan murid secara berkala kepada KPM.

7.3 Ibu Bapa/Penjaga

- i. Bekerjasama dengan pihak sekolah dan guru bagi membantu pembelajaran anak dalam PdP/PdPR.
- ii. Menyokong pembelajaran anak semasa PdP/PdPR seperti mengambil tahu tentang tugas/bahan pembelajaran, jadual waktu pembelajaran, bahan bantu belajar dan sebagainya.
- iii. Mengadakan interaksi dua hala dengan sekolah dan guru tentang perkembangan pembelajaran anak mereka dari semasa ke semasa.
- iv. Memerhati dan memberi maklumat tentang perkembangan pembelajaran anak kepada guru dari semasa ke semasa bagi membantu guru melaksanakan pentaksiran.
- v. Membaca bahan bacaan bersama-sama anak seperti buku cerita, komik dan majalah untuk mengukuhkan pembelajaran di samping memupuk minat membaca mereka.
- vi. Memberi bimbingan berterusan kepada anak untuk mendorong dan mengekalkan semangat belajar.
- vii. Membina pemuafakatan dengan pihak sekolah.
- viii. Memberi komitmen dan mengikuti perkembangan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah.

8. SOALAN LAZIM

Rujuk Lampiran

9. PENUTUP

Pemugaran Literasi dan Numerasi diharap dapat mengurangkan bilangan murid Tahap I yang belum menguasai asas literasi dan numerasi. Justeru itu, semua pihak perlu bekerjasama bagi memastikan hasrat ini direalisasi dan murid dapat meneruskan pengukuhan literasi dan numerasi dalam pembelajaran seterusnya.

SOALAN LAZIM

1. **Mengapakah Pemugaran Literasi dan Numerasi diperkenalkan?**

Pemugaran Literasi dan Numerasi diperkenalkan untuk memperkukuh kemahiran asas literasi dan numerasi murid apabila berlakunya peningkatan yang signifikan bilangan murid yang tidak menguasai asas literasi dan numerasi kesan daripada pandemik Covid-19.

2. **Adakah Modul Asas Literasi Bahasa Melayu dan Modul Asas Numerasi wajib digunakan?**

Tidak. Walau bagaimanapun, guru digalakkan untuk menggunakan modul tersebut kerana modul telah dibangunkan secara komprehensif untuk menyokong PdP/PdPR murid.

3. **Adakah guru diberi kebenaran untuk menggunakan bahan-bahan dari sumber lain untuk melaksanakan PdP/PdPR?**

Ya.

4. **Adakah sekolah yang terlibat dalam Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) perlu melaksanakan Program Pemugaran Literasi dan Numerasi?**

Ya. Sekolah boleh menyesuaikan PdP/PdPR mengikut keperluan murid mereka.

